

KERAJAAN NEGERI KELANTAN
PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 1 TAHUN 2019

**DASAR PEGANGAN SELAMA-LAMANYA BAGI PINDAHMILIK TANAH
JENIS BANGUNAN KEDIAMAN DARIPADA PESURUHJAYA TANAH
KELANTAN KEPADA PEMBELI PERTAMA BERSTATUS MELAYU
PERANAKAN KELANTAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-3 Tahun 2019 yang telah bersidang pada 30hb Januari 2019 telah menimbang dan meluluskan Dasar Pegangan Selama-lamanya Bagi Pindahmilik Tanah Jenis Bangunan Kediaman Daripada Pesuruhjaya Tanah Kelantan Kepada Pembeli Pertama Berstatus Melayu Peranakan Kelantan.

2. Tafsiran “special circumstances” atau keadaan-keadaan khas tidak diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara (KTN). Dalam hubungan ini, maksud “special circumstances” di bawah seksyen 76(aa)(iii) KTN bolehlah didefinisikan sebagai *“the circumstances as distinguished from ordinary circumstances. It must be something exceptional in character, something that exceeds or excels in some way that which is usual or common”* [Leong Poh Shee v Ng Kat Chong (1966) 1 MU 86.
3. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 1 Tahun 2009 telah menjelaskan keadaan-keadaan khas (*special circumstances*) dimana tanah-tanah kerajaan boleh diberimilik secara pegangan selama-lamanya sebagaimana berikut:
 - 3.1 Pemberimilikan tanah kerajaan yang dipohon yang kemudiannya akan dicantumkan dengan tanah milik berstatuskan selama-lamanya

(*in perpetuity*). Dalam situasi ini, tanah kerajaan yang dipohon itu akan diberimilik secara pegangan selama-lamanya (*in perpetuity*);

- 3.2 Pemberimilikan tanah kerajaan untuk tempoh pegangan selama-lamanya bagi tanah-tanah kerajaan yang tersepit “tanah saku” (*pocket land*) yang dipohon yang kemudiannya akan dicantumkan dengan tanah-tanah bersebelahan yang berpegangan selama-lamanya;
 - 3.3 Pemberimilikan tanah kerajaan untuk tempoh pegangan selama-lamanya melalui Peruntukan-peruntukan Khas di bawah Bahagian Dua Belas, Kanun Tanah Negara 1965-Serahbalik dan Berimilik Semula. Jika hakmilik asal adalah pegangan selama-lamanya maka apabila hakmilik itu diserahkan kepada kerajaan dan diberimilik semula kepada tuanpunya tanah adalah menjadi tanggungjawab mandatori PBN untuk memberimilik semula untuk pegangan selama-lamanya; dan
 - 3.4 Pemberimilikan dalam kes-kes di mana kerajaan mengambil tanah yang telah diberi milik selama-lamanya, dan apabila tanah itu tidak dikehendaki oleh kerajaan dan hendak diberimilik semula kepada tuan punya asal, adalah difikirkan adil jika tanah itu diberi milik secara pegangan untuk selama-lamanya juga.
4. Pesuruhjaya Tanah Kelantan (PTK) akan memajukan tanah-tanah secara usahasama dengan syarikat-syarikat swasta. Pemajuan ini melibatkan projek pembangunan bercampur (*mixed development*) yang meliputi pembangunan perumahan dan perkedaian.
 5. Bagi projek pembangunan bercampur dan perbandaran, tanah-tanah yang terlibat akan diberimilik kepada Pesuruhjaya Tanah Kelantan secara pegangan selama-lamanya. Ia akan kekal menjadi milik Pesuruhjaya Tanah Kelantan sehinggalah unit-unit perumahan dan perkedaian tersebut sedia untuk dijual.

6. Dalam keadaan tersebut, tanah-tanah milik Pesuruhjaya Tanah Kelantan yang terlibat akan dilupuskan secara pindahmilik kepada pembeli.
7. Tanah-tanah yang terlibat dengan dasar ini adalah projek-projek Kerajaan Negeri melalui Pesuruhjaya Tanah Kelantan dan melibatkan kompenan bangunan kediaman sahaja.
8. Pindahmilik yang terlibat dengan dasar ini hendaklah terikat kepada Syarat-syarat Khas seperti berikut:
 - 8.1 Melayu Peranakan Anak Kelantan bagi mana-mana tanah di dalam atau di luar kawasan rizab Melayu; dan
 - 8.2 Melayu Peranakan Kelantan dan Bukan Melayu Peranakan Kelantan bagi tanah di luar kawasan rizab Melayu.
 - 8.3 Walau bagaimanapun boleh dipertimbangkan dengan kelulusan PBN kepada Bukan Melayu Anak Kelantan bagi mana-mana tanah di dalam kawasan rizab Melayu tertakluk kepada satu (1) lot bangunan kediaman dengan bayaran fee 10% daripada nilai tanah.
9. Sehubungan dengan itu, Pentadbir-Pentadbir Tanah diminta mengambil maklum dan tindakan yang sewajarnya bagi permohonan yang melibatkan tanah-tanah milik Pesuruhjaya Tanah Kelantan.
10. Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.



**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K. (Kelantan), K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.**

KEPADA:

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YB. Dato' Pesuruhjaya Tanah Kelantan.
7. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN.**

Rujukan Fail : PTG.KN. 11/6/1 (7)
Bertarikh : 19 Rejab bersamaan
26 Mac 2019